

SOALAN NO: 225

negeri-negeri yang penembusan jalur lebarnya adalah di bawah 55%, iaitu Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Secara keseluruhannya, semua IPTA dan IPTS di Malaysia telah dilengkapi dengan perkhidmatan Internet Jalur Lebar. Melalui Bajet 2017, Kerajaan akan melancarkan inisiatif supaya perkhidmatan jalur lebar ethernet di universiti awam ditingkatkan kepada maksimum 100 gigabit sesaat.

Bagi Parlimen Kampar terdapat beberapa projek peluasan jalur lebar telah dilaksanakan oleh Kerajaan yang merangkumi pemasangan jaringan gentian optik. Antaranya adalah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) yang mampu menawarkan perkhidmatan internet pada kelajuan sehingga 20Mbps.

Sehingga kini, sebanyak 2,816 sambungan telah tersedia di Parlimen Kampar yang melibatkan 3 ibusawat manakala 1,912 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019. Selain itu, di bawah projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2), sebanyak 3,030 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2017.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

NO. RUJUKAN : DR045

SOALAN :


Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) bacaan purata kualiti udara berdasarkan ukuran PM2.5 dan PM10 di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar di Malaysia bagi 5 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan bahan cemar yang terbukti penyebab kanser paru-paru, penyakit jantung dan strok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Environmental Quality Report (EQR) 2015 yang telah diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar, didapati bahawa bacaan purata kualiti udara berdasarkan ukuran PM10 di bandar-bandar besar di Malaysia bagi tempoh 2011 hingga 2014 adalah di bawah standard Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia bagi bahan pencemar PM10 (tahunan) iaitu $50 \mu\text{g}/\text{m}^3$. Walau bagaimanapun, pada tahun 2015, bacaan purata kepekatan PM10 didapati melebihi standard Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia berikutan berlakunya episod jerebu merentas sempadan yang berlarutan melebihi 2 bulan. Di samping itu, pengukuran bagi bahan pencemar PM2.5 akan bermula pada tahun 2017 dengan merangkumi 65 stesen pengawasan kualiti udara di seluruh Malaysia.



Bagi mengurangkan pencemaran udara termasuk pencemar udara PM10, Kerajaan telah menggubal dan melaksanakan Pelan Tindakan Udara Bersih Negara. Pelan ini merangkumi tindakan pencegahan dan kawalan bagi 5 sektor utama iaitu:-

- (i) Kawalan ke atas pelepasan daripada industri;
- (ii) Kawalan ke atas pelepasan daripada kenderaan bermotor;
- (iii) Kawalan ke atas aktiviti pembakaran terbuka dan jerebu;
- (iv) Peningkatan keupayaan dalam teknologi kawalan pencemaran:
dan
- (v) Perneriksaan program-program kesedaran dan pendidikan dalam pengurusan kualiti udara bersih.

Sekian, terima kasih.